

Pensyariatan Kehakiman Menurut Syariah Islam

IBNOR AZLI IBRAHIM, WAFAA' YUSOF & MD. YAZID AHMAD

ABSTRAK

Kehakiman merupakan suatu kemestian dalam sesebuah negara. Ia merupakan elemen utama dalam pelaksanaan keadilan. Sistem kehakiman yang bersih, telus dan lengkap telah diisyaratkan dalam Quran dan Sunah. Justeru, para ulama telah memberikan tafsiran yang jelas terhadap sebuah sistem keadilan yang telah diasaskan melalui nas tadi sehingga semua persoalan yang berkaitan dengan teori dan praktikal terhadap sistem ini terjawab dan dapat difahami. Artikel ini cuba merungkai pengertian dan pensyariatan sistem keadilan dalam Islam dengan meneliti nas daripada Quran dan Sunah. Adalah jelas bahwasanya perintah membentuk suatu sistem kehakiman adalah arahan yang telah disepakati dalam Islam melalui sumber-sumber perundangannya.

ABSTRACT

The judiciary is an obligatory state institution in the Islamic world. It is an essential element for the implementation of justice. A truthful, incorruptible and just judicial system is clearly defined in the Qur'an and Sunna. Many scholars have discussed exhaustively the theoretical and practical issues concerning the judicial system using the appropriate Qur'anic injunctions and the Sunna. The objective of the article is to clarify the meaning and legality of the Islamic judiciary system by highlighting the explicit textual rulings found in Qur'an and Sunna. The command to establish the judicial system has its origins in authentic legal sources.

PENDAHULUAN

Pensyariatan *al-qadā'* atau kehakiman dalam Islam telah diputuskan oleh nas yang sahih dari Quran dan Sunah. Para ulama telah membahaskan perkara ini sejak ratusan tahun yang lalu. Sehingga kini belum ada pendapat yang jelas dalam menolak pensyariatan ini. Sistem kehakiman merupakan nadi keamanan dan penegak keadilan dalam sesebuah negara. Sistem kehakiman yang telus dan menepati kehendak syarak akan memberi jaminan keadilan kepada pemimpin dan rakyat, bahkan ia menjadi syiar kebenaran Islam sebagai cara hidup.

QADĀ' DARI SEGI BAHASA

Perkataan *Qadā'* adalah *masdar* (مصدر), ia bermaksud hukum, kata dasarnya ialah *Qadā'* (قضاء), perkataan *Qadā'* dengan *mad* (مد) dan *qasar* (قصر), asalnya dari *Qadāya* (قضای) dan kata perbuatannya ialah *Qadā'* itu tetapi huruf *al-ya'* (الباء) yang datang selepas *al-alif* (الالف) dihamzahkan (Ibn Manzūr t.th., 1.11, al-Fayyumi 1906, 2: 507; Al-Rāzī t.th., 465; dan Al-Ba'li 1981, 393).

Perkataan *Qadā'* bermaksud putus atau pisah dan darinya terbit perkataan *al-qādī* (القاضي), ini adalah kerana sifat *qādī* itu menghukum dan memutuskan sesuatu perkara atau meleraikan orang yang bertelingkah sama ada dengan perbuatan atau perkataan (Ibn Manzūr t.th., 1. 11, al-Asbahani t.th., 406).

Qadā' dari segi bahasa membawa banyak pengertian antaranya:

1. Perintah: atau memutuskan sesuatu perkara lalu menjalankannya (Ibn Manzūr t.th., 1.11).
Firman Allah:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالوَالِدِينِ إِحْسَانًا

(Quran, al-Isra' 17: 23)

Maksudnya:

“Telah Tuhan perintahkan agar kamu semua tidak menyembah selain darinya dan dengan kedua ibu bapamu hendaklah berbuat baik.”

Qadā' di sini membawa maksud “perintahkan, hukumkan dan wajibkan”, ia bererti perkara yang telah putus dan tidak boleh ditolak lagi. Al-Azhari berkata:

Hakim disebut sebagai *qādī* kerana dia memutuskan hukum dan menguatkuasakannya kepada yang berkenaan (Abu Zakaria Muhyiddin al-Nawawi t.th., 2: 95; Mansur Idris Al-Bahuti 1983, 6: 285).

2. Selesai daripada sesuatu tugas: seperti ungkapan (قضیت حاجی)
Maksudnya: aku telah menunaikan hajatku (al-Muqrī al-Fayyumi 1906, 2: 507; Fairuz Abādi 1987, 4: 548), dan seperti firman Allah:

فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرَا

(Quran, al-Ahzab 33: 37)

Maksudnya:

“Apabila Zaid telah selesai hajatnya dengan Zainab (bergaul dan kemudian diceraikannya).”

3. Pemberitahuan, perkhabaran dan penyampaian (Ibnu Manzūr t.th, 11. 209; al-Rāzī t.th., 475; al-Asbahānī t.th, 406). Firman Allah:

وَقَضَيْنَا إِلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ فِي الْكِتَابِ

(Quran, al-Isra' 17: 4)

Maksudnya:

“Telah kami wahyukan (sampaikan) kepada Bani Israel melalui “al-kitab”

Qadā' di sini bererti: kami beritahu mereka dan kami khabarkan atau kami sampaikan.

4. Melaksanakan dan mengakhiri sesuatu tugas (Ibn Manzur t.th, 11. 209): Firman Allah: [فَإِذَا قَضَيْتَ مِنَاسَكَكُمْ] Maksudnya: “Maka apabila kamu telah melaksanakan tugas haji kamu” (Quran, al-Baqarah 2: 200), bila ianya telah dilaksanakan dan diakhiri, manakala ungkapan: قضيت دينه bermaksud: “aku telah tunaikan hutang ku” Firman Allah:

فَلَمَّا قَضَى مُوسَى الْأَجْلَ وَسَارَ بِأَهْلِهِ آنَسَ مِنْ جَانِبِ الطُّورِ نَارًا

(Quran, al-Qasas 28: 29)

Maksudnya:

“Apabila Musa mengakhiri tempoh (yang telah dijanjikannya) ia pun berlalu bersama keluarganya di waktu malam lalu ia terlihat di sisi bukit Thur nyalaan api.”

Maksud *Qadā'* di sini ialah mengakhiri tempoh, firman Allah:

أَيْمًا الْأَجْلِينَ قَضَيْتَ فَلَا عَدْوَانَ عَلَى وَاللَّهِ عَلَى مَا نَقُولُ وَكَلِيلٌ

(Quran, al-Qasas 28: 28)

Maksudnya:

“...mana-mana satu tempoh yang aku boleh tunaikan maka aku tiada dianiaya dan Allah menjadi saksi atas apa yang kita perkatakan.”

Makna *Qadā'* di sini ialah mengakhiri dan menunaikan.

5. Hukum, pisah, putus, dan cegah (Ibn Manzur t.th, 11. 209). Firman Allah:

وَقَضَى بَيْنَهُمْ بِالْحَقِّ

(Quran, al-Zumar 39: 69)

Maksudnya:

“Dan Tuhan telah menghukum antara mereka dengan kebenaran.”

Qadā' di sini ertiannya memisahkan antara mereka. Jika kamu katakan: حکمت علی السنبه Maksudnya: “aku telah menghukum orang yang tidak berhikmah dalam menguruskan hartanya”, ertiannya: aku telah menahan dan mencegahnya dari berurusan dengan hartanya.

Seorang hakim dinamakan hakim kerana sifatnya yang mencegah penzalim daripada melakukan kezaliman, apabila dikatakan: “hakim telah menghukum”, maksudnya ia telah meletakkan hak kepada empunya dan mencegah mereka yang tidak berhak dari mengambilnya.

Apabila seseorang itu menunaikan hutangnya bolehlah ditafsirkan bahawa dia telah memutuskan hubungannya dengan pemberi hutang dan memisahkan antara dirinya dengan pemberi hutang tersebut dengan cara memulangkan kembali haknya (Ibn Manzur t.th, 11. 209; al-Asbahani t.th., 406).

Qadā' dinamakan sebagai hukum kerana di dalamnya terdapat suatu hikmah iaitu meletakkan sesuatu di tempatnya dan mencegah penzalim dari perbuatan zalimnya (‘Abd al-Fatah Abu al-‘Ainain 1983, 7).

6. Perlakuan: firman Allah: فاقض ما أنت قاض (Quran, Tāhā 20: 72) Maksudnya: “lakukanlah dengan apa-apa yang kamu ingin lakukan.”
7. Ciptaan dan penetapan, firman Allah: [فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سِوَاتٍ] (Quran, Fussilat 41. 12). Maksudnya: “dan Dia ciptakan tujuh petala langit.”
8. Mati atau mematikan, firman Allah: [وَمِنْهُمْ مَنْ قُضِيَ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَنْ يَنْتَظَرُ] (Quran, al-Ahzāb 33: 23). Maksudnya: “dan di antara mereka ada yang telah mati dan ada di antara mereka yang masih menunggu”, dan firman Allah lagi: [أَمْوَالِي فَقْضَى عَلَيْهِ] (Quran, al-Qasas 28: 15). Maksudnya: “maka Musa memukulnya sampai mati.”

Daripada sorotan makna-makna dari segi bahasa di atas, dapatlah difahami bahawa “*qadā’*” mempunyai hubungan terus dengan maksud yang kita perbincangkan, iaitu penghukuman dan penguatkuasaan hukuman tersebut. Inilah makna syarak (*shar‘i*) yang biasa digunakan oleh para ahli fikah sepertimana yang akan kita lihat di dalam definisi *Qadā’* dari segi istilah.

DEFINISI *QADĀ’* PADA ISTILAH SYARAK

Para ahli fikah telah memberikan berbagai definisi *Qadā’*, ianya berbeza dengan fatwa. Antara definisi tersebut ialah:

1. Definisi *Qadā’* di kalangan ulama Hanafiah: antaranya al-Kāsānī telah memberi takrifan *Qadā’* seperti berikut:

Ia adalah penghukuman antara manusia dengan kebenaran dan menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (al-Kasani t.th., 9: 4078; al-Zailaie t.th., 4: 175).

Segolongan ulama Hanafiah yang lain mendefinisikan *Qadā'* seperti berikut:

Ia adalah meleraikan perbalahan dan memutuskan pertelingkahan dengan cara yang tertentu" (Ibn 'Abidin 1994, 8: 20; al-Tarabusi 1973: 66).

Ada juga di kalangan mereka yang mendefinisikannya sebagai ungkapan yang mengikat yang dikeluarkan oleh penguasa umum (Al-Musili 1975, 2: 82; Al-Sheikh Nizam 1980, 3: 306).

2. Definisi *Qadā'* di kalangan ulama Mālikiah: antaranya Ibn Farhun dan Ibn Rushd telah mendefinisikannya sebagai:

Pemberitahuan suatu hukum *Syari'ie* dalam bentuk mengikat (Ibn Farhun 1958, 1. 12; al-Khattāb al-Rua'i ini Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Maghribi 1995, 8: 86).

Manakala al-Dardir mendefinisikan '*qadā'*' sebagai penghukuman hakim dengan perintah yang telah sabit padanya seperti hutang dan tahanan (al-Dardir 1952, 2: 329).

3. Ulama Shāfi'iyyah antaranya Qalyūbī telah mendefinisikannya sebagai hukuman antara manusia atau mengenakan suatu hukuman Syarak. Imam al-Haramain pula mendefinisikannya sebagai menyatakan hukum Syarak dalam sesuatu masalah atau kes dari orang yang ditaati (pihak berkuasa). (Shihabuddin al-Qalyubi t.th., 4: 296). Ibn Hajar dan Imām al-Ramli pula mendefinisikannya sebagai menguatkuasakan suatu hukum oleh yang mempunyai bidangkuasa dengan hukum Syarak (al-Ramli 1993, 8: 224) atau menghukum antara dua pihak yang bertelagah dengan Hukum Allah (al-Sharbini 1994, 4: 372; al-Sharqawi t.th., 2: 491).
4. Definisi *Qadā'* menurut ulama Hanbaliah antaranya Ibn 'Arafah telah mendefinisikannya sebagai meneliti hujah pihak-pihak yang mendakwa oleh yang empunya bidangkuasa dan meleraikan perselisihan itu (Ibn Muflīh, Burhan al-Dīn Ibrāhīm bin Muhammād bin 'Abdullāh bin Muhammād t.th, 3: 10) atau menguatkuasakan atau memperjelaskan suatu hukuman *Syari'ie* terhadap seseorang dan meleraikan pertelaghan (al-Bahuti t.th, 6: 285; al-Bahuti 1319H.. 461, al-Marbawī t.th., 298).
5. Ibn Khaldun pula telah mendefinisikan *Qadā'* sebagai meleraikan pertelaghan sesama manusia, memutuskan dakwaan dan pertelingkahan dengan hukuman yang disumberkan kepada al-Quran dan Sunnah (Ibn Khaldun t.th., 173).
6. Dalam Seksyen 1786 daripada *Majallah al-Ahkām 'Adliyah*, definisi *Qadā'* adalah seperti berikut:

Qadā' adalah penghukuman *Qādi* atas sesuatu perselisihan dan penguatkuasakannya ('Ali Haider 1991, 4: 563).

7. Definisi lain untuk *Qadā'* adalah seperti berikut keputusan penguasa umum terhadap sesuatu dakwaan selepas perbicaraan atau paksaan berpandukan hukum Syarak dalam masalah-masalah tertentu untuk orang yang tertentu atau pihak yang tertentu. Yang dimaksudkan dengan pihak tertentu ialah seperti hukuman untuk atau terhadap *Baitul Mäl*. (al-San‘ani t.th., 4: 145).

DEFINISI *QADĀ'* MENURUT ULAMA SEMASA

Terdapat juga beberapa definisi *Qadā'* yang dibuat oleh ulama semasa antaranya ialah:

1. Penghukuman antara pihak yang bertelagah berpandukan undang-undang Islam menggunakan prosedur yang tertentu. (‘Abd al-Karim Zaidan 1995, 13)
2. Meleraikan pertelungan dengan menyatakan hukum Syarak dalam kes itu dalam bentuk yang mengikat. (Muhammad Na‘im Ysīn t.th., 1. 48)
3. Mengenakan hukum Syarak dan melaksanakannya ke atas pihak-pihak yang bertelagah dan anggota masyarakat. (Abu Faris 1995: 13)
4. *Qadā'* adalah kuasa dalam meleraikan antara pihak-pihak yang bertelagah dan memelihara hak-hak umum berdasarkan hukum Syarak. (al-Zuhailiy 1982: 37)
5. *Qadā'* adalah suatu kuasa Syarak yang bertindak untuk menghentikan perbalahan antara dua pihak berpandukan hukum Allah. (‘Abd al-Fatah 1983: 8)

DEFINISI PILIHAN

Daripada sorotan definisi-definisi yang pelbagai di atas, kita dapat pemahaman para ahli fikah terhadap *Qadā'* hampir bertemu dalam pengertian amnya iaitu meleraikan pertelugahan berpandukan hukum Allah, manakala perbezaan yang terdapat pada kesemua definisi yang telah disebutkan hanyalah dari segi lafaznya sahaja bukannya dari segi hakikat. Oleh itu penulis lebih cenderung memilih definisi *Qadā'* sebagai berikut:

Mleraikan pertelugahan berdasarkan hukum Syarak oleh pihak atau orang yang mempunyai bidangkuasa dengan menggunakan prosedur yang tertentu atau dengan olahan yang lain

Memutuskan sesuatu kes oleh pihak Mahkamah berpandukan hukum Syarak, melalui prosedur yang tertentu dan menguatkuasakan keputusan tersebut.

Definisi ini sebenarnya merupakan rumusan daripada definisi-definisi yang disebutkan sebelum ini. Ianya merupakan definisi yang lengkap dan menyeluruh pada pandangan penulis kerana ia menyebut kesemua perkara asasi dalam *Qadā'* itu sendiri, iaitu:

1. Keputusan hukuman mestilah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa kehakiman.
2. Hal perkara *Qada'* itu mestilah berkaitan dengan penyelesaian pertelaghanan kerana *Qada'* tidak mungkin berlaku tanpa ada pertelaghanan.
3. Sandaran keputusan penghakiman mestilah kepada Quran dan Sunah sebagai asas. Kemudian diikuti dengan sumber Syarak lain yang dipersetujui oleh ulama seperti Ijmak dan *Qias*. Itulah yang dimaksudkan sebagai hukum Syarak.
4. Keputusan penghakiman oleh pihak mahkamah mestilah berkuatkuasa dan wajib dituruti oleh pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kes yang telah diputuskan iaitu keputusan yang mengikat (*binding*).

PENSYARIATAN *QADĀ'* DAN HUKUMNYA

Pensyariatan *Qadā'* telah sabit melalui kitab suci Quran, Sunah Rasulullah S.A.W. yang mulia dan Ijmak.

PENSYARIATAN *QADĀ'* MELALUI QURAN

Banyak ayat Quran menyebut tentang *Qadā'*. Para Rasul dan Nabi diarah menyelesaikan setiap pergeseran sesama manusia dan ia merupakan sebahagian tugas mereka. Quran juga meletakkan kesempurnaan iman seseorang Muslim itu bergantung kepada kesediaannya menghukum dan menerima penghukuman dengan syariat Allah dan menguatkuasakannya dengan sempurna. Antara ayat-ayat tersebut ialah:

Firman Allah S.W.T:

يَا دَاوُدَ إِنَا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعْ
الْهُوَى فِي ضُلُلٍ كَمَا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

(Quran, Sād 38: 26)

Maksudnya:

“Wahai Daud! Kami jadikan kamu khalifah di muka bumi maka hendaklah kamu menghukum antara manusia dengan kebenaran dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu kerana ia akan menyesatkankamu dari jalan Allah.”

Firman Allah S.W.T:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

(Quran, al-Nisa' 4: 58)

Maksudnya:

“Dan apabila kamu menghukum sesama manusia hendaklah kamu lakukan dengan seadil-adilnya.”

PENSYARIATAN *QADĀ'* MENURUT SUNAH

Terdapat banyak Hadis yang menjelaskan kepentingan *Qadā'* dan pensyariatannya dalam Islam dan ianya terbahagi kepada dua. Pertama, Hadis *qawli* (percakapan) yang diperjelaskan oleh Rasulullah S.A.W. dengan tuturkatanya dan yang keduanya Hadis ‘*amali* yang menunjukkan kepentingan dan pensyariatan *Qadā'* melalui perbuatan Rasulullah S.A.W. seperti perbuatan Rasulullah S.A.W. sendiri menyelesaikan perselisihan antara sahabat baginda apabila mereka datang menemui baginda. Begitu juga perbuatan Rasulullah S.A.W. melantik dan mengutus para hakim ke kota-kota utama dalam jajahan Islam. Di antara Hadis *qawli* tersebut ialah:

Hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah iaitu maksudnya:

Dua orang sahabat telah datang menemui Rasulullah s.a.w supaya menyelesaikan pertikaian mereka dalam kes faraid, sedangkan keduanya tiada bukti dalam menyokong dakwaan setiap mereka. Maka Rasulullah s.a.w bersabda “Kamu semua datang berbalahan di hadapanku, sedangkan Aku hanyalah manusia biasa, boleh jadi salah seorang dari kamu lebih lunak berhujah dari saudaranya, maka aku akan menghukum mengikut apa yang aku dengar. Barangsiapa yang Aku hukumkan untuknya milik saudaranya janganlah dia menerimanya, kerana Aku memberikan seketul api neraka yang akan membelenggunya di hari Kiamat kelak”. Maka kedua sahabat itu menangis dan berkata, “Milikku untuk saudaraku”, Rasulullah s.a.w bersabda, “Kalau begitu beredarlah dan bahagikanlah harta itu dengan kebenaran dan hendaklah kamu halal menghalal sesama kamu” (al-Bukhari 1979, 3: 162; Muslim 1978, 3: 1337).

Diantara Hadis amali Rasulullah S.A.W. pula ialah perlantikan hakim-hakim ke kota-kota Islam. Antara mereka ada yang menyandang jawatan pemerintah dan hakim dalam satu masa dan ada pula di antara mereka diutus semata-mata untuk menyandang jawatan hakim sahaja. Diantara Hadis-hadis tersebut adalah seperti berikut:

Diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin Amru bahawa dua orang sahabat meminta penyelesaian dari Rasulullah s.a.w mengenai perselisihan mereka, Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya:

“Wahai Amru, hakimilah mereka”. Maka jawab Amru “Apakah aku menghakimi mereka di hadapanMu wahai Rasulullah”, “Ya! jika kamu tepat (betul) dalam hukumanmu sepuluh pahala dan jika ijtihad mu salah kamu mendapat satu pahala” (Bukhari t.th., Muslim t.th., 3: 1342; Abu Daud t.th., 3: 299)

Apa yang dapat dirumuskan dari Hadis-hadis yang telah dipaparkan di atas ialah kepentingan *Qadā'* dan pensyariatannya dalam syariat Islam, ini dapat dipetik melalui perlakuan Rasulullah s.a.w sendiri dalam menjalani penghakiman dan pada waktu yang sama beliau melantik Sahabat-sabahat yang berkelayakan untuk menyandang jawatan tersebut di kota-kota jajahan Islam.

PENSYARIATAN *QADĀ'* MELALUI IJMAK

Ulama Muslimin keseluruhannya telah akur secara Ijmak tentang pensyariatan *Qadā'* dan tiada seorang pun daripada mereka yang mengingkarinya. Jika Ijmak Sahabat itu telah diyakini sebagai hujah yang tidak boleh disangkal, maka ia menjadi salah satu sumber dalil Syarak seperti Quran dan Sunah yang wajib dipatuhi sehingga hari Kiamat (al-Nawāwī t.th., 12: 14; Ibn Qudāmah 1994, 9: 34; al-Sharbūnī t.th., 14: 373; al-Sharqāwī t.th., 2: 491, al-Zuhailī t.th., 42).

Para sahabat telah mengambil berat urusan *Qadā'*. Di antara mereka ada yang menyandang jawatan yang penting ini dengan cara memohon atau dilantik. Khalifah Rasyidin juga telah melantik para hakim dari kalangan sahabat dan mereka ditempatkan ke seluruh kota-kota jajahan yang telah disinari oleh cahaya Islam dan Iman. Sejarah juga memaparkan bagaimana ^cUmar Ibn al-Khattāb telah menjadi hakim di bawah pemerintahan Saïdina Abu Bakar al-Siddiq. Zaid bin Thābit pula menjadi hakim di bawah pemerintahan ^cUthmān bin ^cAffān, ^cAbdullah bin Mas'ud menjadi hakim bagi pihak Saïdina ^cUmar di Kufah, begitu seterusnya Saïdina ^cUmar dan Saïdina ^cUthmān telah melantik *Qādi* Syuraih sebagai Hakim Kufah pada zaman pemerintahan masing-masing. (al-Dhabbī 1948, 1: 103, 2: 188; al-Tabārī 1960-1968, 4: 422; al-San'ānī t.th., 4:150).

Demikianlah Ijmak para Sahabat berlangsung terhadap perihal pentingnya urusan *Qadā'* dan sekali gus menjelaskan pensyariatannya selepas dalil Quran dan Sunah. Keprihatinan Khalifah Rasyidin juga dapat dilihat dalam perutusan ^cUmar al-Khattāb kepada Abū Mūsā al-Ash'ārī. Kandungan perutusan itu menjelaskan kedudukan *Qadā'* dan bagaimana ia dilaksanakan. Perutusan ini diberi nama “*Kitāb al-Siyāsah*” atau perutusan politik. Kandungan perutusan tersebut berbunyi:

Adapun selepas itu, sesungguhnya *Qadā'* adalah suatu fardu yang telah pasti, ia juga adalah Sunah yang wajib dituruti. Fahamilah setiap keterangan yang diberi di hadapanmu, setiap ungkapan kebenaran yang tidak dilaksanakan tiada ertiinya. Berilah kesamarataan terhadap manusia pada air mukamu, duduk mu dan keadilan mu sehingga mereka yang berkedudukan tidak tamak dengan kemurahan mu dan si lemah tidak kecewa dari keadilan mu. Beban bukti tanggungan pendakwa dan hak bersumpah adalah untuk yang didakwa. Setiap usaha damai adalah harus untuk kaum Muslimin kecuali usaha menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Jangan kau terhalang dengan keputusamu yang terdahulu apabila kemudiannya kamu dapat kebenaran di pihak lain, kembalilah kepada kebenaran. Sesungguhnya kebenaran bersifat qadim dan kembali kepada kebenaran adalah lebih baik dari berterusan dalam kebatilan, fahami, jangan kau terpengaruh dengan bisikan hati yang membelaikan Quran dan Sunah. Kemudian kuasailah seluruh hukum dan masalah yang bersamaan atau yang seiras. Dari situ kiaskanlah setiap permasalahan dengan perkara yang seumpamanya. Berilah hak bagi yang mendakwa dan tempoh waktu yang mencukupi untuk mengumpul bukti. Jika ia datang dengan bukti dan keterangan yang cukup maka sempurnakanlah haknya. Jika tidak, pupuskan saja urusannya, kerana ia lebih bersih daripada syak wasangka dan kekeliruan. Setiap Muslim dianggap sebagai sempurna kesaksianya (adil) kecuali mereka yang dihukum sebat kerana jenayah *Qazaf*, atau mereka yang telah direkodkan sebagai memberi kesaksian palsu, atau orang yang

punya hubungan nasab atau *wala'* Sesungguhnya Allah memberi kemaafan dengan sumpah dan mengangkat hukum dengan bukti. Janganlah sekali-kali kau keluh kesah, terhimpit dan jemu dengan pihak-pihak yang berselisih. Sesungguhnya meletakkan kebenaran di tempatnya akan diberi ganjaran yang besar oleh Allah dan akan diabadikannya, Sekian Wassalam. (Ibn Khaldun t.th.,173; Ibn Qayyim t.th., 1. 87)

Dalam mengulas nas perutusan ini Ibn Qayyim menyatakan:

Perutusan yang mulia ini telah disepakati oleh sekelian ulama untuk menerimanya. Di atasnya mereka telah membina dasar hukum dan dasar penyaksian. Para hakim dan mufti pula perlu meneliti dan memahami kepentingan yang terkandung di dalamnya. (Ibn Qayyim t.th., 1. 87)

Pembentukan sistem kehakiman dalam suatu kelompok masyarakat adalah suatu keperluan insanı. Ini bertepatan dengan kaedah syarak yang menyatakan:

ما لا يتم الواجب إلا به فهو الواجب

(al-Ghazali 1993, 57; Ibn-Taymiyyah t.th., 60-61, al-Rāzī 1988, 1: 289; al-Shatibi 1975, 3: 156; al-Isnawī 1980, 83-84; al-Bāhisin t.th., 173).

Maksudnya:

“Sesuatu kewajipan yang tidak sempurna kecuali dengan terlaksananya suatu perkara yang lain maka perkara yang lain itu dikira sebagai wajib juga.”

Hubungan kaedah ini dengan perbahasan kita ialah bahwasanya persyaritan *Qadā'* telah diputuskan menerusi al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak. Sudah menjadi suatu perkara yang diketahui secara darurat bahawa melaksanakan hukum hudud dan menentang pemberontakan demi keamanan manusia sejagat adalah perkara yang wajib. Namun kewajipan ini tidak mungkin terlaksana kecuali dengan perlantikan para hakim dan penubuhan sistem kehakiman yang dilengkapi dengan mahkamah-mahkamah serta jenteranya. Kesemuanya ini menjadi wajib seperti wajibnya mewujudkan keamanan antara manusia (al-Khalidi 1983, 52).

Rasulullah S.A.W. telah memerintahkan agar seorang pemimpin dilantik di kalangan orang Islam yang melebihinya dua orang, sama ada mereka di dalam keadaan musafir atau pun bermuqim. Antara Hadis-hadis yang berkaitan dengan hukum ini ialah:

Rasulullah s.a.w. bersabda bermaksud:

“Apabila tiga orang muslim bermusafir hendaklah mereka melantik salah seorang daripadanya menjadi ketua.”

(Abu Daud t.th, 2608).

Dapat difahami daripada kedua Hadis di atas perihal pentingnya perlantikan seorang pemimpin ketika sekumpulan orang Islam bermusafir dan bilangan mereka melebihinya dua orang. Di sini terdapat hikmah *tashri'iyyah* yang boleh jadi tidak dicapai oleh kekuatan akal manusia.

Apa yang jelas Allah S.W.T. sentiasa menginginkan agar umat Islam sentiasa tersusun dan terpelihara dalam segenap urusan kehidupannya dan tidak diganggu oleh kacau-bilau dan huru-hara. Maksudnya di sini adalah seperti berikut:

Sekiranya Allah inginkan keamanan itu berlaku di dalam suatu kelompok masyarakat Islam yang kecil maka di dalam masyarakat Islam yang lebih besar keadilan itu adalah lebih utama ditegakkan.

Daripada pemerhatian di atas, dapatlah kita fahami bahawa pensyiaran *Qadā'* adalah sabit menerusi al-Quran, al-Sunnah dan Ijma'k, di samping kaedah fiqh yang telah menyokongnya seperti yang telah dijelaskan.

HUKUM MEWUJUDKAN BADAN KEHAKIMAN DAN HUKUM MEMEGANG JAWATAN HAKIM

Para ulama telah bersetuju bahawa hukum mewujudkan badan kehakiman (*al-Qadā'*) adalah *fardu kifāyah* (Ibn Qudamah 1972, 11: 373; Ibn Abi Dam 1982: 84; Ibn al-Hammam t.th., 6: 356; Ibn Taimiyah 1983, 2: 202; al-Bahūti t.th., 3: 459; Ibn Muflīh t.th., 10: 6; al-Nawawi t.th., 125; al-Ramli t.th., 8: 224; Ibn Farhān t.th., 1: 8; al-Bahūti t.th., 6: 286; al-Shaykh Nizam t.th., 5: 132). Ini Berdasarkan Firman Allah S.W.T.:

كونوا قوامين بالقسط

(Quran, al-Nisa' 4: 135)

Maksudnya:

“Hendaklah kamu melaksanakan keadilan.”

Para Nabi terdahulu telah menjadi hakim kepada umat mereka begitu juga Rasulullah S.A.W. serta khalifah-khalifah yang selepasnya. Mereka telah mengutus para hakim ke seluruh kota-kota utama untuk menjalankan keadilan bertepatan dengan perintah Allah S.W.T. dalam ayat di atas.

Oleh kerana manusia mempunyai sifat yang cenderung kepada zalim menzalimi sesama mereka dan sukar pula bagi seorang pemerintah untuk menyelesaikan perbalahan sesama mereka, maka di sini datang keperluan kepada perlantikan hakim-hakim untuk menjalankan tugas: **الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر**

(*Mengajak kepada makruf mencegah kepada kemungkaran*) yang kedua-duanya merupakan *fardu kifāyah* (al-Kuhji 1987, 4: 510; al-Sharbīnī t.th., 6: 258; Ibn al-Hammām t.th., 7: 243). Dalam hal ini al-Imam Ahmad berkata:

...tanpa perlantikan hakim di dalam suatu kelompok masyarakat maka hak masyarakat akan musnah. Ini adalah kerana urusan kehidupan tidak akan terjamin tanpanya. Ianya umpsama jihad di jalan Allah dan mempunyai kelebihan dan kemuliaan yang amat tinggi.

Namun begitu ianya amat merbahaya sekiranya tidak dilaksanakan dengan betul dan tepat... (Ibn Qudāmah t.th., 9: 27; Ibn Muflīh t.th., 10: 4; al-Bahūtī t.th., 6: 286)

Urusan kehakiman adalah *fardu ‘ain* ke atas seseorang pemerintah sama ada beliau menjalankannya sendiri atau melantik orang lain mewakilinya (al-Sharbīnī t.th., 6: 259; al-Ramlī t.th., 8: 236; Ibn Abī al-Dam t.th., 87; Ālī Tāimīyah t.th., 2: 202). Kerana *al-Qadā’* itu merupakan sebahagian dari *al-Wilayah al-‘imma* (Pentadbiran Am) (Ibn Khaldūn t.th., 173).

Apabila seseorang Muslim yang cukup syarat telah dilantik menjadi seorang hakim maka hukum menerima perlantikan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Ianya menjadi wajib ‘ain jika tiada orang lain yang berkelayakan darinya dan menjadi *fardu kifāyah* jika ada beberapa orang yang sama berkelayakan.
- (b) Ianya menjadi makruh sekiranya dia berkelayakan tetapi ada orang lain yang lebih baik darinya.
- (c) Ianya menjadi haram bagi orang yang tidak berkelayakan di waktu wujudnya orang lain yang mencukupi syarat. Begitu juga sekiranya dia berniat buruk dalam menerima jawatan tersebut.
- (d) Ianya menjadi sunat sekiranya seorang yang berkelayakan untuk menjadi hakim menerima jawatan tersebut ketika terdapatnya orang lain yang sama berkelayakan dengannya. (Ibn Abī al-Dam t.th., 2: 34; Ibn Qudāmah t.th., 10: 33; al-Bahūtī t.th., 2: 365; Ibn al-Hammām t.th., 6: 363; Ibn Farhūn t.th., 1. 11, al-Bahūtī t.th., 6: 287; al-Kasānī t.th., 9: 40-82; al-Kuhjī t.th., 4: 513; Al-Māwardī 1996,121, al-Ramlī t.th., 8: 225; al-Khattāb al-Rūā’īnī t.th., 8: 86; Al-Dusūqī t.th., 4; 121).

Mengenai hukum memohon jawatan hakim, penulis berpendapat ianya adalah makruh sekiranya terdapat orang lain yang berkelayakan sepertinya. Ini adalah berdasarkan hadis-hadis yang memberi amaran tentang kesukaran menunaikan tanggungjawab kehakiman. Begitu juga kebanyakan para sahabat dan ulama-ulama telah mengelak daripada jawatan ini.

Penulis tidak bermaksud bahawa perbuatan mereka ini sebagai dalil ke atas haramnya memohon jawatan hakim atau hukumnya makruh secara mutlak sebaliknya ia makruh apabila seseorang yang berkelayakan itu berusaha memohonnya ketika wujudnya orang lain yang lebih berkelayakan, kerana urusan *Qadā’* itu sentiasa diintai oleh bahaya dan muslihat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa usaha mewujudkan suatu sistem pengadilan atau kehakiman dalam sesbuah negara adalah perkara yang amat penting. Pemerintah yang bijaksana akan memastikan wujudnya sebuah sistem kehakiman yang telus dan berwibawa dalam pemerintahannya. Setiap perilaku pemerintah dan rakyat akan tertakluk di bawah kuasa mahkamahnya.

Maka, di sini lah letaknya kedaulatan dan keluhuran undang-undang Islam. Pensyariatan sistem *qadā'* atau kehakiman ini adalah perkara yang disepakati dan ia perlu dipikul oleh setiap pemerintah negara demi kestabilan dan keselamatan negara. Tidak hairanlah mengapa sebahagian ulama menganggapnya lebih utama daripada jihad bersenjata.

RUJUKAN

- ^cAbd al-Fatah Abū al-^cAynayn. 1402H/1983M. *al-Qadā' wa al-ithbāt fī al-fiqh al-Islāmī, dirāsaḥ muqāranah bī al-qānūn al-Yamānī*. Misr: Matba^cat al-Amānah.
- ^cAbd al-Karim Zaydān. 1415H/1995M. *Nizām al-qadā' fī al-shari'ah al-Islāmiyyah*. Cet. ke-3. Bayrūt. Lubnan: Dār al-Bashir. Mu'assasah al-Risālah.
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sajistānī al-Azādī. t.th. *Sunan Abī Dāwūd*. Juz. 2. Bayrūt. Lubnan: Dār Ihya' al-Turāth al-Arabi-Dār Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah.
- Abū Fāris, Muhammad ^cAbd al-Qādir. 1415H/1995M. *al-Qadā' fī al-Islām*. Cet. ke-4. Jordan: Dār al-Furqān.
- ^cAli Haydār. 1411H/1991M. Durar al-hukkām sharh majallāt al-ahkām al-^cadliyyah. Alihbasha: Fahmī al-Husaynī. Bayrūt: Dār al-Jīl.
- al-Asbahānī. Abū al-Qāsim al-Hussayn bin Muhammad. t.th. *al-Mufradāt fī gharīb al-Qur'an*. edit. Muhammad Sayyid Kaylānī. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- al-Bāhiśīn, Ya^cqūb bin ^cAbd al-Wahāb. t.th., *al-Takhrij^cind fuqahā' wa usūliyyān*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Ba^clī, Shamsuddīn Muhammad bin Abū al-Fatāh. 1301H/1981M. *al-Mutlic^cala abwāb al-muqni^c* edit. Muhammad Bashir al-Adlibī. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Bahūtī, Mansūr bin Yūnus bin Idrīs. 1316H/1996M. *Sharh muntaha al-irādat*. Cet. ke-2. Misr: ^cAlām Al-Kutub.
- 1403H/1983M. *Kashaf al-qina^c ^cala matn al-iqna^c* Juz. 6. Bayrūt. Lubnan: ^cAlām Al-Kutub.
- t.th. *al-Rawd al-murbi^c sharh zad al-mustaqqni^c* edit. Sa'īd Muhammad al-Lahham. Makkah al-Mukarramah. al-Maktabah al-Tijariyyah.
- al-Bukhārī, Abū ^cAbdullah, Muhammad bin Ismā'il bin Ibrāhīm al-Bukhārī. 1979M. *Sahīh al-Bukhārī*. (al-Jāmi^c al-Sāhih). Istanbul. al-Maktab al-Islāmī.
- al-Dār Qutnī, ^cAli bin ^cUmar. 1966M/1386H. *Sunan al-Dār Qutnī*. Juz. 4. al-Qāhirah. Dār al-Mahāsin.
- al-Dardīr, Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 1952M. *al-Sharh al-saghīr*. Misr: Syarikah wa Matba^cah Muṣṭafā al-Bāb al-Halabī.
- Al-Dhabbī, Waki' Abū Bakr Muhammad bin Khalaf bin al-Hayyan. 1948M. *Akhbār al-Quḍāh*. Juz. 1. al-Qāhirah. Misr: Maktabah al-Tijāriah al-Kubrā.
- al-Dusuqī, Shamsuddīn al-Shaykh Muhammad ^cArafah. t.th., *Hāshiyah al-Dusuqī ^calā al-sharh al-kabīr*. Juz. 4. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Fatāwā al-Hindīyyah*. 1400H/1980M. Cet. ke-3. Bayrūt: Dār Ihya' al-Turāth al-^cArabi.
- Fayrūz Abādī. Majd al-Dīn Muhammad bin Ya^cqūb. 1987 *al-Qāmus al-muhīt*. Juz. 1. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Fayyūmī, Ahmad bin Muhammad ^cAli al-Muqrī. 1324H/1906M. *al-Misbāh al-munīr*. Cet. ke-2. Bulaq. Misr: al-Matba^cah al-Kubrā al-Amīriyyah.

- al-Ghazālī. Abū Hamīd. 1313H/1993M. *al-Mustasfa fī ilm al-usūl*. Tartib: ḨAbd al-Salam ḨAbd al-Shāfi. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ḥilmīyyah.
- Ibn ḨAbidīn. 1415H/1994M. *Radd al-mukhtār sharh tanwīn al-absār* Juz. 5. edit. Muhammad ḨAlī Mu‘awwad. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ḥilmīyyah.
- Ibn Abī Dam, Shihābuddīn Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Abdullah. 1402H/1982M. *Adāb al-qādī*. Muhammad Muṣṭafā al-Zuhaylī. edit. Cet. ke-2. Damascus. Syria: Dār al-Fikr.
- Ibn Farhūn, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin ḨAlī bin Abī Qāsim bin Muhammad. 1378H/1958M. *Tabsīrah al-hukkām fī usūl al-aqdīyyah wa al-ahkām*. Juz. 1. Misr: Maktabah Muṣṭafā al-Bāb al-Halabi wa Awlāduhu.
- Ibn al-Hammam, Kamal al-Dīn al-Sawāsī. *Takmilah al-fath sharh Fath al-Qadīr*. edit. ḨAbd al-Razzāq Ghālib al-Mahdi. Juz. 6. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ḥilmīyah.
- Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad. t.th., *al-Musnad bihamishihi muntakhab kanz al-ṣummāl*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- Ibn Khaldūn, ḨAbd al-Rahmān Ibn Khaldūn al-Mālikī. t.th., *Muqaddimah*. Bayrūt. Lubnan. Dār al-Kutub al-Ḥilmīyyah.
- Ibn Mājah. Abū ‘Abdullah Muhammad bin Yazid al-Rabī bī al-wala’ al-Qazwīnī. 1395H/1975M. *Sunan ibn Mājah*. edit. Muhammad Fuad ḨAbd al-Bāqī. Juz. 1. Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-Ḥarabī.
- Ibn Muflīh, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muhammad bin ‘Abdullah bin Muhammad. t.th., *al-Mubdi fī sharh al-muqni* Juz. 3. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- Ibn al-Qayyim, Shamsuddīn Abū ‘Abdullah Muhammad bin Abū Bakr. *A'lām al-muwaqqi'iñ an Rabb al-Ālamin*. Juz.1. Bayrūt: Dār al-Jil.
- Ibn Qudāmah, Abū Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad al-Muqaddisi. 1414H/1994M. *al-Mughnī alā mukhtasar al-Khuraqī*. Tashīh: ‘Abd al-Salām bin Muhammad Shāhin. Juz. 9. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ḥilmīyyah.
- Ibn Taimīyyah, Muhibb al-Dīn Abū al-Barakat. 1404H/1983M. *al-Muharrar fī al-fiqh wa ma'ahu al-nukat wa al-fawā'id*. Ibn Muflīh. Juz. 2. Cet. ke-2. al-Riyād. Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Isnawī, Jamāl al-Dīn Abī Muhammad bin al-Hasan. 1400H/1980M. *al-Tamhīd fī takhrīj al-furi' al-ālā usūl*. edit. Muhammad Hassan Hāito. Cet. ke-4. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Kasānī, Ala al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd. *Badā'i al-sanā'i fī tartīb al-sharā'i*. Juz. 9. al-Qal'ah. al-Qahirah. Misr: al-Nashr: Zakariā ḨAlī Yūsuf. Matba'ah al-Imām.
- al-Khālidī, Mahmud al-Khālidī. 1403H/1983M. *Nizām al-qadā fī al-Islām*. Irbid. Jordan. Mu'assasah Ibn al-Nadīm al-Thaqāfiyyah.
- al-Khattāb al-Rūaynī. Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Maghribī. 1416H/1995M. *Mawāhib al-jalīl li sharh mukhtasār khalīl*. Takhrīj: Zakariyyā Umayrāt. Juz. 8. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ḥilmīyyah.
- al-Kuhjī, ‘Abdullah bin al-Shaykh Hassan al-Hassan. 1407H/1987M. *Zād al-muhtāj bi sharh al-minhāj*. edit. ‘Abdullah bin Ibrāhīm al-Ansārī. Cet. ke-2. Qatar. Idārat Ihya' al-Turāth al-Islāmī.
- al-Māwardī, Abū al-Hasan ḨAlī bin Muhammad bin Habīb al-Basrī al-Baghdādī. 1416H/1996M. *al-Ahkām al-sultāniyyah wa al-wilāyat al-dīniyyah*. Bayrūt. al-Maktab al-Islāmī.

- al-Mardawī, ‘Ala’ al-Dīn bīn al-Hassan ‘Alī bīn Sulaymān. *al-Taqīh al-mushbi‘ fī tahrīr ahkām al-Muqni‘*. Riyād. Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- al-Mu‘jam al-wajīz*. Mujamma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. 1406H/1986M. Cet. ke-2. Matba‘ah Sharikah al-I‘lānat al-Sharqiyyah. Miṣr: Dār-al-Tahrīr li al-Taba‘ wa al-Nashr.
- al-Mu‘jam al-wasīt*. Mujamma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. Juz. 2. Miṣr: Matābi‘ Dār al-Ma‘ārif.
- Muhammad Na‘īm Yāsīn. *Nazariyyah al-dā‘wā bayna al-sharīkah al-Islāmiyyah wa qānūn al-murāfi‘at al-madaniyyah wa al-tijāriyyah*. Juz. 1. Amman: Matābi‘ Wizārat al-Awqāf al-Urdūniyyah.
- al-Mūsili, ‘Abdullah bīn Mahmūd bīn Mawdūd al-Hanafī. 1975M. *al-Ikhtīār li ta‘līl al-mukhtār*. Cet. ke-3. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Muslim, Muslim bīn al-Hajjāj bīn Muslim al-Qushayrī al-Naysabūrī. 1398H/1978M. *Sahīh Muslim*. Sharh al-Nawawī. edit. Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī. Cet. ke-2. Bayrūt: Dār Fikr.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn bīn Sharaf. *Tahdhīb al-asmā‘ wa al-lughāt*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Qalyūbī & ‘Umayrah. t.th., *Hāshiyatān al-Qalyūbī wa ‘Umayrah ‘alā sharh al-‘allāmah Jalāl al-Dīn al-Mahallī ‘alā minhāj al-‘ābidīn*. Juz. 4. al-Qāhirah. Dār Ihyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. 1308H/1988M. *al-Mahsul fī usūl fiqh*. Juz. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Rāzī, Muhammad bīn Abū Bakr bīn ‘Abd Qādir t.th., *Mukhītār al-Sihāh*. Bayrūt: Maktabah Lubnān.
- al-Ramli, Shams al-Dīn Muhammad bīn Abī al-‘Abbās Ahmad bīn Hamzah. 1414M/1993H. *Nihāyah al-Muhtāj ilā sharh al-minhāj*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-San‘ānī, Muhammad bīn Ismā‘īl. *Subul al-salām sharh bulūgh al-marām*. Juz. 4. Bayrūt: Manshūrat Dār Maktabah al-Hayāh.
- al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muhammad al-Khātib. 1415H/1994M. *Mughnī al-muhtāj ilā sharh al-fāz al-minhāj*. Juz. 4. edit. ‘Alī Muhammad Mu‘awwad. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Shārqawī, ‘Abdullah bīn Hijāzī bīn Ibrāhīm al-Azhārī. t.th., *Hāshiyat al-Shārqawī*. Bayrūt: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Shātibī, Ibrāhīm bīn Mūsā al-Lakhmī al-Gharnātī. 1395H/1975M. *al-Muwāfaqāt*. Juz. 3. Cet. ke-2. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Tabārī, Abū Ja‘far Muhammad bīn Jarīr al-Tabārī. 1960–1968M. *Tārīkh al-rusul wa al-mulūk*. Juz. 4. Tahqīq Abū al-Fadl Ibrāhīm. Misr: Dār al-Ma‘ārif.
- al-Taimīyyah. Majd al-Dīn Abū al-Barakāt. t.th., *al-Muswaddah*. Bayrūt: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Tarābulsī, ‘Ala’ al-Dīn Abū al-Hasan. 1973. *Ma‘īn al-hukkām fī mā yataraddad bayna al-khasmayn min al-ahkām*. Cet. ke-2. Miṣr: Sharikat Matba‘at al-Bābī al-Halabī.
- al-Tarmizi, Muhammad bīn ‘Isā bīn Sūrah al-Silmī. 1958M. *Sunan al-Tarmizi* (al-Jāmi‘ al-Kabīr). Bayrūt: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Zayla‘ī, Fakhr al-Dīn ‘Uthmān bīn ‘Alī al-Zayla‘ī. *Tabyīn al-haqā‘iq sharh kanz al-daqā‘iq*. Cet. ke-2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Islāmī.

al-Zuhaylī, Mustāfā Muhammad. 1402H/1982M. *al-Tanzīm al-qadā'ī fī al-fiqh al-Islāmī*.
Bayrūt. Dār al-Fikr.

Ibnor Azli Ibrahim
Wafaa' Yusof
Jabatan Syariah
Fakultu Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
Malaysia